# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 11 | RABU 14HB MACH, 1979 | رابو 14 ربيع‌الاخير 1399 | PERCHUMA




KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei memereksa barisan pasokan pengawal di-markas tersebut.

## D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT MARKAS GURKHA DI-SERIA

SERIA.— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan di-iringi oleh adinda Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohd Bolkiah pada hari Rabu lalu telah berangkat berchemarduli ka-Markas Pasokan ke-10 Princess Mary's Own Gurkha Rifles yang berpusat di-sini. Turut serta dalam rombongan Baginda itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson.

Keberangkatan Baginda dan rombongan ka-markas itu telah di-sambut oleh Pegawai Pemerentah Pasokan Gurkha Rifles, Lt Kolonel Mike Allen dan lain2 pegawai kanan pasokan tersebut.

Lawatan Baginda ka-markas itu di-mulakan dengan kunjongan ka-Sekolah Anak2 Gurkha yang baru sahaja di-buka. Di-sekolah itu, Baginda dan rombongan telah di-bawa melawat ka-bilek2 darjah di-samping menyaksikan hasil2 pameran kerja tangan penuntut2 sekolah tersebut. Baginda dan rombongan juga telah menyaksikan persembahan2 pentas yang berupa nyanyian dan tarian kebudayaan Gurkha oleh penuntut2 sekolah tersebut.

Baginda kemudian-nya berangkat ka-Markas Kawalan Pasokan dan telah berkenan menerima dan memereksa barisan kehormatan yang terdiri daripada pasokan pengawal markas sa-belum berangkat ka-Istana Kota Manggalela untok santapan tengah hari.

Sa-belum berangkat pulang, Baginda dan rombongan meneruskan lawatan ka-kawasan latehan askar2 Gurkha di-Lumut untok menyaksikan satu latehan bersenjata serta tunjokchara menyerang hendap perkampongan di-hutan.

## 57 chalun lulus SAP Perengkat "A" Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 57 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam telah lulus dalam Pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge (Perengkat Lanjutan) aliran Melayu yang telah di-adakan pada bulan Nobember tahun lalu.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 16 orang telah mendapat sekurang2-nya dua matapelajaran perengkat lanjutan dan satu matapelajaran perengkat biasa termasok Kertas Am. Manakala selebeh-nya ia-lah chalun2 yang mendapat sekurang2-nya satu perengkat lanjutan atau perengkat biasa.

Dari jumlah yang telah lulus itu sa-orang penuntut dari pusat tersebut telah mendapat tiga mata pelajaran perengkat lanjutan dan dua perengkat biasa ia-itu Awang Tum/Tom bin Silau/Zulkifli.

Sementara itu 321 orang dari chalun persendirian di-Bandar Seri Begawan juga telah lulus. Dari jumlah itu sa-ramai 28 orang telah mendapat sekurang2-nya dua mata pelajaran perengkat tinggi dan dua mata pelajaran perengkat biasa termasok Kertas Am. Manakala 28 orang chalun telah gagal.

Semua chalun persendirian dari Seria yang telah mendudoki pepereksaan tersebut telah lulus di-mana tujoh orang daripada-nya mendapat Kertas Am dengan dua mata pelajaran perengkat lanjutan dan satu mata pelajaran perengkat biasa.

## Kajian lalu-lintas dan meranchang Jalan Besar utk Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-bagai sabahagian dari strateji pembangunan, Kerajaan telah menugaskan sa-buah firma pakar kejuruteraan bagi membuat kajian lalulintas dan penelitian kejuruteraan bagi Bandar Seri Begawan serta kawasan2 sekitar-nya untok merintis satu sistem jalan besar dan kemudahan lalu-lintas yang dapat mengimbangi keadaan tersebut menjelang tahun 2,000. Kajian ini juga bertujuan untok meninjau tempat2 yang difikirkan dapat di-perbaiki untok mengurangkan kesesakan lalu-lintas yang semakin pesat.

Kawasan kajian ini (lihat peta sebelah), meliputi Bandar Seri Begawan serta kawasan Bandaran BSB, dan termasok kawasan2 Gadong, Berakas, Sungai Hanching, Kota Batu, Kampong Ayer dan Kilanas. Ini termasok semua kawasan yang mungkin di-majukan menjelang tahun 2,000.

Firma yang di-tugaskan oleh Kerajaan bagi mengendalikan kajian ini ia-lah M/S Associated Consultant Pte Ltd yang akan mengumpolkan semua butir2 yang di-kehendaki dan menjalankan banchi, menjalankan penyelidekan kejuruteraan dan menganalisa kajian tersebut. Dari butir2 kajian ini, firma tersebut akan mengusolkan kapada Kerajaan beberapa skim yang akan perlu dilaksanakan bagi memperbaiki keadaan lalu-lintas dan kemudahan2 jalan besar di-sekitar bandar.

Kajian yang di-jadualkan bermula minggu depan dan akan berjalan sahingga enam minggu itu berkehendakkan kerjasama dari semua pendudok2 di-kawasan2 yang terlibat.

Untok menjayakan kajian ini, satu temu-ramah di-rumah akan di jalankan yang bertujuan untok mendapatkan keterangan2 mengenai pergerakan lalulintas di-kawasan yang berkenaan. Keterangan2 yang di-perolehi dari kehendak dan kebiasaan perjalanan ada-lah mustahak dan ia-nya akan di-hubongkan dengan butir2 dari kajian penggunaan tanah dan ekonomi yang akan memberikan chorak untok membuat projek lalu lintas yang akan datang.

Lebeh dari 1,000 buah rumah dalam kawasan kajian itu akan di-pileh. Surat dari Pengarah Kerja Raya akan di-hantar ka-rumah2 yang di-pileh untok memberitahu yang penemu2-duga akan datang ka-rumah mereka bagi mendapatkan keterangan2. Keluarga rumah yang berkenaan di minta supaya jangan berasa khuatir, sebalek-nya hendak-lah memberikan kerjasama dengan memberikan keterangan2 yang betul. Keterangan2 yang di-berikan akan hanya di-gunakan bagi tujuan kajian ini dan keterangan2 tersebut akan di-rahsiakan.

Lihat muka 20




## *Permohonan bagi Kursus Perguruan Ugama*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumomkan minggu ini bahawa Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kini sedang membuka permohonan untok mengikuti Kursus Perguruan Ugama 'A' dan 'B' bagi mereka yang mempunyai kelayakan2 dan sharat2 yang boleh di-pertimbangkan.

Kursus bagi tiga tahun atau lebeh itu di-mulai tahun 1979 ini dengan mensharatkan sa-tiap pemohon yang berhajat untok mengikuti kursus 'A' hendak-lah lulus Sijil Pelajaran Ugama (SPU) Brunei atau mempunyai kelulusan empat matapelajaran perengkat 'O' Sijil 'Am Pelajaran Singapura, dan dua daripada-nya mesti-lah terkandong matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu, atau,

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan berkelulusan

Lihat muka 20

# H.H. THE SULTAN VISITS GURKHA RIFLES

SERIA. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah and Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, each piloting a helicopter, visited the 10th Princess Mary's Own Gurkha Rifles here last Wednesday.

They were accompanied on the visit by among others the British High Commissioner, Mr Arthur Watson.

The Royal party was welcomed on arrival by the Commanding Officer of the Gurkha Rifles, Lieutenant Colonel, M.G. Allen and other officers of the Gurkha battalion.

After the welcome, His Highness and party proceeded to the newly opened school for Gurkha children, where they watched the children at work and were afterwards entertained at the school hall.

From there the royal party proceeded to the officers mess for lunch. Before leaving His Highness inspected a guard of honour and took the royal salute.

The royal party also visited the Guard Room where Gurkha war and shooting trophies were on display.

Before returning to Bandar Seri Begawan, the royal party visited the Gurkha Training area near Lumut where His Highness and other members of the royal party watched a small arms firing exercise and other military manoeuvres.



**His Highness the Sultan inspecting a guard of honour talks to a Gurkha soldier. In the background are the Commanding Officer of the Gurkha Rifles, Lt. Colonel Allen and Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja, Lt. Colonel Pengiran Ibnu.**

## Siti Aisah top student

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty-five of the two hundred and twelve students entered by the Sixth Form Centre for the General Certificate of Education Advanced level examination have passed according to results released last week.

The top student was Dayang Aisah binte Haji Mohammed Jaafar who had passes in four principals and one subsidiary.

Two private candidates from Seria were also successful but none of the twenty-seven adult class candidates passed the exam.

In the General Certificate of Education Ordinary level Malay medium examination, two hundred and forty-six candidates passed out of four hundred and forty-five who sat for the exam.

The Hassanal Bolkiah Arabic Secondary School with about eighty-six per cent passes topped the list of schools.

Meanwhile two thousand two hundred and eighty-five candidates out of two thousand nine hundred and thirty-two have passed the Commercial Certificate of the Singapore Malay Shorthand Institute examinations which were also held last year.

The subjects they took were type-writing, shorthand, book-keeping and stenography in both English and Malay streams.

The examinations were supervised by the Adult Education Section of the Education Department.

## World Health Day

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Medical and Health Department will be observing World Health Day on April 7.

The Medical Officer of Health, Dr (Mrs) P. Durayappah, announcing this said there will be an 'Open Day' in all the main Maternal and Child Health clinics in the State where parents and children will be invited to view the activities in the Child Health Clinics.

Dr Durayappah said there will also be a display of local foods, good food value and demonstrations one of which is on preparation of 'Bubor' for infants from locally available foods.

She said being the Year of the Child and as the theme of World Health Day is a Healthy Child A Sure Future, other departments like Education, Social Welfare and Voluntary Organisations are joining the Medical and Health Department in the celebrations during World Health Day this year by organising their own programmes for children.

# TRAFFIC STUDY AND HIGHWAY PLANNING

BANDAR SERI BEGAWAN. — As part of its development strategy, the Government has engaged a specialist engineering firm to conduct a traffic study and engineering investigation of Bandar Seri Begawan and its environs with a view to determining a system of highways and facilities adequate to serve the traffic needs up to the year of 2,000.

The study is also to identify areas for immediate improvement so the worsening traffic situation may be eased.

The survey area as shown on the map on page 1 extends across the Bandar Seri Begawan municipal area and incorporated Gadong, Berakas, Sungai Hanching, Kota Batu, Kampong Ayer, Kilanas, and includes all areas that are likely to be developed by the year 2,000.

The consultant firm commissioned by the Government to undertake this study is M/S Associated Consultant Pte Ltd who will collect all the necessary data and conduct survey, engineering investigation and analyse them.

From this study the consultant firm will recommend to the Government schemes to be implemented to better the traffic flows and highway facilities in the town.

Some of the survey to be carried out within the next week and will be on for 6 weeks will affect and need the co-operation of the people in the study area.

They will be a Home Interview Survey the objective of which is to obtain informations about the present-day movement in the area. These guidings on the travel desire and habits are essential, and in combination with data from land-use and economics study serve as a basis for projecting future travel pattern.

More than 1000 homes in the study area will be selected at randown letters from the Director of Public Works Department. These letters are about to be sent to the selected households informing them the authorised interviewers will call at the houses to obtain informations. They are requested not to be alarmed and to co-operate to give the right and true answers. The informations will be used only for this purpose and will be strickly kept confidential.

Each interviewer who will call after office hours in the evening will carry a credential which he or she should produce at each interview .

They will also be Road-Side Interview to assess the origin and destination through movements and external-internal movements across the boundary of the study area. This will be achieved by questioning the persons actually making the trip. This interview will be carried out at the boundary, on the road leading to the study area.

The survey will cause inconvenience to the public as the interview is preferably carried out during the morning and evening peak hours. Not all trip makers will be interviewed however only those selected at random will be questioned.

To minimise the inconvenience, police will assist in the survey to stop the vehicles selected and to direct the flow of traffic.

Besides these interviews, there will be a Commercial Vehicles Survey which as its name suggests is to obtain full information about commercial vehicle trips taking place within the study area. Questionnaires will be sent to the operators of commercial vehicles in the area and will concern with the trip making characteristics of their operations.

This is an equally integral part of the whole study and the full co-operation of operators are requested.

The Director of Public Works has appealed to all people in Bandar Seri Begawan and its vicinity to co-operate with the Government by giving the required informations to make this study a success.

The people are reminded that all the informations will be strictly kept confidential and used only for the purpose of the study. The name of the family will not be put on the form which will only be identified by its code number.

## Ships advised to keep clear of Champion Field

SERIA. — All shipping is advised to continue to keep clear of Brunei Shell's Champion Field.

This followed investigations which have confirmed that the bubbling on the sea in the Champion Field has been caused by gas and water escaping from deep formations between five thousand feet below the surface of the sea bed.

Up to last week there was no evidence of any oil escaping. The gas and water is breaking through the sea-bed a thousand feet away from where the Sedco E drilling rig had been carrying out routine drilling operations for the past seven weeks.

Five wells have been drilled in this area for some time, however the leak is not from any of these wells.

The flow of the gas and water to surface is by means of natural passages in the rock formations.

Operations which are expected to take several months to complete have started to prepare to drill relief wells designed to reduce the pressure in the formations and reject fluids to stop the flow.

All other drilling and production operations on the Champion Field are continuing as usual.

## Scholarship for degree, semi-prof courses offered

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government is offering scholarship to subjects of His Highness the Sultan, who have passed certain examinations.

The scholarship will enable successful applicants to take up courses ranging from degree to semi-professional at educational institution of higher learning overseas.

Those who have sat for Malay and English medium examinations recently are invited to apply.

Entry forms and further details about the offer are available from the Chief Scholarship and Welfare Officer at the Education Department here.

The forms must be completed and forwarded to reach the Department not later than March 25.

## Adult classes

BANDAR SERI BEGAWAN. — Registration is now open for Adult classes in the Malay medium at the SMJA Secondary Malay School here.

The classes are for the Brunei Junior Certificate of Education and Singapore Cambridge ordinary and advanced levels examinations.

Those interested to join the classes may register their names to the supervisor of the school's adult classes during school hour.

The registration will close at the end of the month.

موءتمر اسلامي اسيوي اول

# oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

## Siri ke-29

DALAM keadaan orang2 Islam meneruskan perjalanan mereka mendaki Uhud sa-bagai ikhtiar mengelakkan diri dari kejaran musoh, dan Rasulullah sendiri pun baharu sahaja selesai di-rawat oleh para sahabat kerana kechederaan Baginda, tiba2 munchol Khalid bin Al-Walid dengan pasokan berkuda-nya dari atas bukit itu. Me-reka chuba menyerang, tetapi segera dapat di-halang oleh beberapa orang sahabat yang di-ketuai oleh Syedina Umar bin Al-Khattab. Pasokan ini telah di-usir dengan izin Allah. Sementara itu orang2 Islam sudah demikian payah dan leteh, sa-hingga di-sebutkan oleh tawarikh bahawa Baginda Rasulullah sendiri telah melakukan sembah-yang Dzuhor dengan dudok, di-ikuti dari belakang dengan chara yang sama oleh kaum Muslimin.

Bagaimana-kah pula di-pehak orang2 Quraish ? Tentu sahaja mereka amat riang. Dendam sudah berbalas, saperti kata Abu Sufyan: *"Yang ini untok peristiwa Badar. Hingga jumpa lagi tahun hadapan."*

Dan kemudian isteri-nya, Hindun binte 'Utbah, tidak chukop sekadar menang, dan tidak chukop juga sekadar menewaskan Syedina Hamzah bin Abdul Muttalib, bahkan ia mengajak perempuan2 lain dalam rombongan-nya supaya merayau-rayau dari satu mayat ka-mayat yang lain (mayat2 orang Islam), dan mana2 yang di-temui-nya akan mereka potong2 telinga, hidong dan lain2, kemudian mereka buatkan kalong dan anting-anting. Dan sa-chara amat di-hajati, oleh Hindun, di-belah-nya perut Syedina Hamzah, di-keluarkan-nya jantong-nya dan di-kunyah-nya, kemudian chuba di-telan-nya tetapi tidak berhasil.

Mari, tuan! Sa-bentar kita renongkan, betapa keji-nya perbuatan ini. Tidak pernah berlaku dalam sejarah, mayat2 orang kafir di-perlakukan sa-demikian rupa oleh orang2 Islam, walaupun ia orang yang paling jahat dan berdosa besar kapada orang2 Islam.

Sa-telah selesai menguborkan mayat2-nya, orang2 Quraish pun pergi. Kaum Muslimin pun kembali semula ka-garis depan bagi menchari dan menyempurnakan mayat2 mereka. Rasulullah sendiri berhajat menchari mayat Syedina Hamzah. Tetapi alang-kah terkejut-nya Baginda apabila melihat mayat bapa saudara-nya itu sudah di-perlakukan dengan begitu rupa, dengan amat kejam perut-nya telah di-belah menyebabkan semua-nya terburai keluar. Baginda melihat dengan sedih sa-hingga mendorong-nya bersabda yang erti-nya:

*"Tiada akan pernah saseorang mengalami musibah saperti kau ini. Belum pernah aku menyaksikan suatu peristiwa yang amat menimbulkan amarah-ku saperti kejadian ini."*

Di-riwayatkan oleh Al-Hakim dan Al-Baihaqi di-dalam kitab Addalail dan Al-Bazzar dari Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah apabila berdiri di-hadapan mayat Syedina Hamzah yang di-rosakkan anggota badan-nya itu, lalu Baginda bersabda yang erti-nya:

*"Aku akan bunoh 70 orang dari mereka sa-bagaimana mereka lakukan terhadap diri-mu."* Maka turun-lah Jibril membawa akhir Surah An-Nahl (ayat2 126-128) sa-bagai teguran kapada Nabi supaya mengundorkan ranchangan-nya itu.

Dalam riwayat yang lain oleh At-Tarmizi dan Al-Hakim dari Ubai bin Ka'ab, bahawa pada masa perang Uhud telah gugor 64 orang dari kaum Ansar dan 6 orang dari kaum Muhajirin, yang di-antara-nya ia-lah Syedina Hamzah bin Abdul Muttalib. Kesemua mayat2 mereka itu di-rosak dengan kejam-nya. Maka berkata-lah kaum Ansar: *"Andai-nya suatu masa kami mendapat kemenangan atas mereka, kami akan berbuat lebeh dari apa yang mereka buat."* Lalu turun-lah ayat 126 Surah An-Nahl. Ada ulasan, ayat2 ini di-tangguhkan turun-nya sampai pada masa peperangan *Fathu Makkah* (penaklokan Mekah oleh kaum Muslimin).

Ayat2 yang berkenaan itu erti-nya:

*"Dan jika kamu memberikan pembalasan, maka balas-lah dengan balasan yang serupa saperti yang mereka lakukan terhadap kamu. Dan jika kamu sabar, sesunggoh-nya itu ada-lah lebeh baik bagi orang2 yang tabah. Dan bersabar-lah engkau (wahai Nabi Muhammad), dan tiada-lah kesabaran-mu itu melainkan dengan pertolongan Allah, dan jangan-lah kamu berdukachita tentang (kekafiran) mereka dan jangan-lah engkau gelisah menghadapi apa yang mereka ranchangkan."*

Sekali lagi, tuan! Mohon di-renongkan, bagaimana Allah memberikan pimpinan moral kapada Nabi dan umat Islam. Moral Islam tidak meletakkan tujuan hidup ini semata2 untok menchari kepuasan hati, tetapi perlu di-seimbangkan dengan tuntutan fitrah, di-mana semua orang ingin selamat, ingin di-pelihara perasaan dan hati-nya, bukan sebalek-nya untok di-pijak2 dan di-kunyah. "Keinginan" hanya-lah alat untok mendorong orang supaya berusaha menchapai sasuatu, tetapi *ia bukan tujuan (bukan ghayah). Tujuan yang sa-benar ia-lah ingat akan Allah, menuju keredzaan-Nya, berjuang menuju jalan-Nya.*

Kerana itu, walau pun Nabi demikian sedeh dan orang2 Islam amat meradang sekali atas perbuatan Quraish memperlakukan mayat2 mereka, yang termasok juga bapa saudara Nabi sendiri, dan mereka itu berikrar untok membalas dendam, tetapi tiba2 datang tegoran, bahawa Allah tidak membenarkan perbuatan yang melampaui batas, maka ibarat api bertemu dengan ayer, kemarahan itu terus sahaja menurun hingga ka-paras kosong. *Ini-lah nama-nya IMAN, tuan! Nama-nya RASA TAKUT DAN TA'AT kapada Allah, menjadi "kontrol" kapada Muslimin.* Lalu Rasulullah pun mema'afkan mereka, di-tabahkan-nya hati-nya sambil memerentahkan orang Islam supaya jangan sekali2 melakukan penganiayaan. Di-tutop-nya jenazah Syedina Hamzah dan di-sempurnakan-nya.

Nabi juga memerentahkan supaya korban2 yang lain di-sempurnakan di-situ juga. Sa-telah itu kaum Muslimin berangkat pulang semula ka-dalam Kota, dengan meninggalkan 70 orang korban. Kepedihan terasa sekali di-hati mereka, sebab mengenang kejayaan yang sudah di-chapai telah terlepas semula. Dan kini kerendahan datang menimpa, lain tidak, ada-lah di-sebabkan dari perbuatan pasokan pemanah yang melanggar perentah, serta kaum Muslimin yang terlampau ashik dan sebok mengurus harta rampasan perang.

Rasulullah memasoki rumah Baginda dengan penoh fikiran. Orang2 munafik dan Yahudi di-dalam Kota Madinah memperlihatkan perasaan gembira mereka, kerana Nabi dan orang2 Islam balek dengan sugol dan mendongkol. Ada yang berkata dengan mengejek: *"Jika peristiwa Badar merupakan pertanda dari Tuhan atas kerasulan Muhammad, maka dengan peristiwa Uhud ini apa pula alamat-nya ?"*

Abu Sufyan bersama tentera2-nya telah kembali dari Uhud. Berita tentang kemenangan mereka sudah lebeh dahulu sampai, yang di-sambut dengan perasaan riang gembira oleh pendudok2 Mekah. Sementara di-pehak Muslimin merasakan yang keadaan di-Medinah telah banyak yang berubah. Kalau dahulu orang2 Yahudi pendudok Medinah dan bahkan kabilah2 Arab di-luar Medinah merasa gerun kapada kaum Muslimin, tetapi dengan berlaku-nya peristiwa Uhud, maka semua itu jadi terbalek. Orang2 Yahudi dan Munafik sudah berani berterang-terang melimparkan ejekan dan permusohan-nya. Sementara kabilah2 Arab pula ada yang sudah sampai mengasoh chita2 untok mengadakan perlawanan terhadap orang2 Islam. Mereka tidak memandang berat kekuasaan Nabi di-Medinah, walau pun ia sebenar-nya maseh tetap kukoh.

Sa-bagai chontoh, sa-sudah peristiwa Uhud, kedengaran-lah dua orang bersaudara, Tulaihah dan Salamah bin Khuwailid pemimpin Banu Asad, sedang mengerahkan masharakat-nya untok menyerang Medinah dengan maksud merompak dan merampas ternakan Muslimin. Ada pun yang menyebabkan mereka berani berbuat demikian itu, kerana menyangka orang2 Islam maseh lemah akibat menderita menerima pukolan hebat di-Uhud. Mendengar berita ini, Rasulullah segera memanggil Abu Salamah bin Abd'l Asad membawa pasokan yang berjumlah sa-ramai 150 orang, termasok-lah pahlawan2 terbilang saperti Abu 'Ubaidah bin Al-Jarrah, Sa'ad bin Abi Waqas dan lain2 lagi. Mereka di-perentahkan supaya chepat2 menyergap musoh itu sa-belum mereka berada dalam keadaan siap sedia, sebab jika di-biarkan lama2 mereka akan menjadi fitnah besar yang akan memberangsang lagi musoh2 yang lain pula. Maka perentah Rasulullah itu pun di-laksana-kan-lah, dan dengan izin Allah, pasokan musoh itu telah dapat di-usir oleh orang2 Islam.

Bukan ini sahaja, bahkan ada lagi perchubaan2 yang lain oleh beberapa golongan hendak menyerang Nabi dan orang2 Islam di-Medinah, ia-itu semua-nya kerana gara-gara di-Uhud. Tetapi semua itu tidak berhasil, sebab sebenar-nya peristiwa Uhud itu belum-lah sampai melumpohkan umat Islam, bahkan *hikmat-nya* juga ada—lebeh indah dan bernilai jika di-teliti. Ia-nya memintal sa-tiap hati dan jiwa orang2 Islam, bahawa *ini-lah satu pengajaran dari Tuhan mereka supaya lain kali jangan chuba2 membantah Rasulullah, jangan di-perkechil erti perentah-nya, walau pun kira-nya perentah itu kurang chochok dengan fikiran dan pendapat kita.* Nah, tidak-kah nampak kapada kita, di-sana wujud suatu rahasia, bahawa peristiwa di-Uhud sebenar-nya ada-lah ubat "penyakit rohani" untok orang2 Islam, yang sa-belum ini penyakit itu sudah ada pada mereka, *ia-itu penyakit tamak dan penyakit ingkar* (membantah). Dan kini penyakit itu sudah semboh sama sekali.

Apa-kah yang berlaku jika penyakit sudah sirna ? Tentu-lah sehat, bukan? Dan orang yang sehat ada-lah orang kuat lagi bertenaga. Maka itu-lah keadaan-nya, tuan! Orang2 Islam ada-lah kuat dan semakin kuat sa-sudah menerima pukolan di-Uhud. *Taubat dan azam* untok menebus kesalahan2 yang terlanjur di-lakukan, menjadikan mereka lebeh kukoh, lebeh bertenaga, berseh hati lagi amanah. Semenjak itu-lah mereka tidak pernah lagi terjebak ka-dalam perangkap ingkar dan tamakkan dunia. Dan akibat-nya, usaha2 umat Islam sa-lepas itu, di-bawah pimpinan Rasulullah terus berhasil dan berhasil yang meningkatkan kejayaan demi kejayaan.

Saya tidak-lah akan melanjutkan tulisan ini dengan mencheritakan peperangan2 yang lain sa-sudah Uhud, kerana ada dua perkara besar lagi yang belum saya sentoh sa-belum menamatkan tulisan ini, ia-lah mengenai *BAHAI* dan *FREE-MASONRY*. Saya harap memadai-lah sa-takat ini untok memberi gambaran bahawa jihad atau peperangan dalam Islam itu tidak di-lakukan melainkan untok menyelamatkan 'akidah dan mempertahankan kehormatan orang2 Islam serta tanah ayer mereka, sesuai dengan perentah2 Allah mengenai-nya. Tetapi bagaimana pun, sa-belum saya memasoki tajok yang di-sebutkan di-atas, saya akan menyimpulkan ulasan saya mengenai jihad ini, insha Allah.

(BERSAMBONG)




# Seminar Dakwah

PADA 23hb hingga 25hb Muharram, 1399 bersamaan 24hb hingga 26hb Disember, 1978 telah berlangsong satu Seminar Dakwah Islamiah di-kalangan pegawai2 rendah kerajaan di-negeri ini. Seminar tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei dengan kerjasama Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan, yang di-hadhiri oleh 170 orang peserta dari hampir2 kasemua Jabatan Kerajaan dalam negeri ini.

Seminar tersebut dapat-lah di-anggap sa-bagai tahap pertama ka-arah meluaskan kesedaran beruga-ma di-kalangan pegawai2 mau pun orang2 Islam pada umom-nya dalam negeri ini. Thema yang di-dukong oleh seminar ini menunjokkan bagaimana Islam dan ajaran2-nya hendak-lah di-resapkan terlebeh dahulu kapada diri sendiri, kemudian kapada keluarga dan akhir sa-kali kapada masharakat. Ini-lah sebenar-nya konsep dan dasar dakwah mesti berjalan saperti yang di-tunjokkan sendiri oleh Nabi s.a.w. sa-laras pula di-sebut oleh Allah di-dalam Al-Kor'an yang bererti: *"Selamatkan diri kamu dan ahli2 kamu (terlebeh dahulu) dari api neraka"*.

Menjalankan dakwah Islamiah menghendaki ketegohan dan ketahanan yang bukan alang kepalang. Sa-orang pendakwah tulin, yang menchontohi Nabi, para sahabat, tabien dan ulama'2 akhir zaman ada-lah orang2 yang tahan "Ugut", tahan lusuh, tegoh dan tidak pernah mahu tundok mengikuti angin. Tetapi rata2 mereka bersifat sebalek-nya, menyunsong angin. Maka baharu-lah dapat di-harapkan dakwah itu berjalan dengan tetap dan dapat di-tunggu hasil-nya. Bila kita sebut "menyunsong angin" di-sini, bukan bermakna ber-keras-keras dengan tidak tentu pasal, tetapi yang kita kehendaki ia-lah tegoh pendirian, tidak menyerah kapada anchaman, julokan, pujok rayu sa-hingga terpisong dari kebenaran. Dalam pada itu, dalam keadaan kita tegoh itu, kita gunakan pula hikmat dan — kebijaksanaan dan nasehat2 yang baik dengan dalil dan hujah yang terang.

Mudah2an seminar itu dapat menanamkan "sikap tegoh" ini kapada para peserta-nya dan juga sekalian orang yang terlibat dan umat Islam dalam negeri ini. Kapada para pegawai dan kaki-tangan kerajaan pada khusus-nya, kita suka-lah mengulangi pesanan yang telah di- sampaikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dalam uchapan-nya ketika menutop seminar ini, bahawa pegawai2 dan kaki tangan kerajaan hendak-lah sama2 menjiwai dengan amalan terhadap tugas mendakwah diri sendiri dan masharakat, sa-laras demi untok kebahagiaan dan masa depan kita orang2 Brunei yang gemilang. Hendak-lah berpegang tegoh kapada ugama dalam erti mengikut segala prinsip dan dasar2 yang di-perintahkan oleh Allah. Dan sudah tiba-lah masa-nya sekarang kita meng-Islamkan chara2 hidup bangsa dan negara kita, yang kita mulakan dari perkara2 hari2: dari chara makan minum, pakaian, pergaulan dan pekerjaan kita (lihat Pelita Brunei keluaran 26hb Muharram, 1399 bersamaan 27hb Disember, 1978).

# Bingkisan minggu ini

# DO'A

DO'A ada-lah suatu permintaan kapada Allah s.w.t. dengan mengharapkan sa-suatu daripada-Nya. Ia di-buat samada di-waktu senang, mau pun di-waktu susah, atau pun dalam waktu kedua-dua-nya sa-kali. Sering terdengar oleh kita, apabila do'a sa-seorang itu tidak di-kabulkan Allah, pada lazim-nya ia akan merungut. Ekoran dari itu timbul-lah sa-ribu satu pertanyaan dan persoalan yang harus di-persoal-jawabkan. Mengapa pula terjadi demikian? Dan di-mana pula salah-nya? Sedangkan dalam Al-Kor'an Allah telah pun berjanji akan menerima do'a yang di-pinta oleh hamba2-Nya. Hal ini-lah yang akan kita singkap dan chari di-mana salah silap-nya.

Pertama-tama-nya kita boktikan dulu janji2 Allah s.w.t. untok menerima permintaan2 hamba2-Nya. Ini akan kita dapati dalam Surah Al-Baqarah ayat 186 yang maksud-nya kira2: *"Dan apabila hamba2 Ku bertanya kapada mu tentang Aku, maka (jawab-lah), bahawasa-nya Aku ada-lah dekat. Aku mengabulkan parmohonan orang yang mendo'a apabila ia berdo'a kapada Ku, maka hendak-lah mereka itu memenuhi (segala perintah) Ku dan hendak-lah mereka beriman kapada Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran"*. Dalam firman ini kita telah di-beri jaminan tentang pengabulan do'a, tetapi hendak-lah kita memenuhi sharat2 yang telah di-sebutkan di-akhir firman itu.

Jadi-nya, kalau kita mahu do'a kita di-perkenankan, hendak-lah kita menyahut seruan Allah dengan mengikut segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Dan juga hendak-lah kita benar2 beriman kapada-Nya dengan tidak meragui tentang kekuasaan-Nya dari segala segi.

Perkara2 yang di-pohonkan itu pula mesti-lah perkara2 yang lojik dan bukan-nya dari perkara2 yang haram, serta boleh di-terima Allah. Juga jangan berlebeh-lebehan dan bukan terdiri dari perkara2 yang mustahil bagi manusia, walau pun bagi Allah perkara2 tersebut tidak mustahil. Sa-bagai chontoh, memohon do'a untok hidup buat sa-lama-lama-nya!

Di-samping itu, sa-waktu berdo'a itu jangan-lah ada terlintas dalam hati kita perasaan ragu2 atau pun sangsi. Kita mesti-lah mempunyai penoh keyakinan akan terkabul-nya do'a kita itu. Ini dapat di-boktikan dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh At-Tarmizi dan Al-Hakim yang maksud-nya kira2: *"Berdo'a-lah kapada Allah dengan keyakinan bahawa do'a mu itu akan di-kabulkan Allah. Dan ketahui-lah bahawa Allah tidak akan mengabulkan do'a yang terbit dari hati yang hampa dan tidak bersunggoh-sunggoh"*.

Juga yang memohon do'a itu mesti-lah berseh dari noda dan dosa, kerana itu ada-lah menjadi suatu sharat mutlak bagi terkabul-nya do'a. Memakan dan meminum benda2 yang haram, atau pun memasokkan sa-suatu yang haram ka-dalam naluri kita ada-lah sa-bagai batu penghalang kapada terkabul-nya do'a sa-seorang. Rahsia-nya ia-lah, puncha keinginan berdo'a timbul dari hati, lalu ia pun menchatetkan kemahuan-nya kapada lidah yang menyebutkan-nya. Jika kita memakan atau termakan benda2 yang haram, ia sudah tentu akan merosakkan hati yang mana melibatkan kebatinan. Dengan itu nanti akan terhalang-lah ia dari berperasaan lembut hati dan tulus ikhlas. Maka dengan itu, jadi-lah amalan do'a itu sa-bagai gerak geri saja yang tidak berjiwa pada-nya. Ini bererti, kalau hati sudah rosak, badan pun turut rosak, dan sa-terus-nya akan merosakkan do'a kita.

Dengan itu jelas-lah sudah bahawa; sa-tiap hamba Allah yang ingin do'a-nya di-kabulkan, hendak-lah terlebeh dahulu membersehkan diri-nya dan jiwa-nya dari segala perkara yang di-tegah oleh Allah s.w.t. dan Rasul-Nya, memelihara kebatinan dari penyakit2 hati serta segala akhlak yang terkeji. Dan biar-lah makan minum kita itu selalu dari yang baik2 dan yang di-halalkan, agar dengan itu bila kita memohon do'a kapada Allah kelak, do'a kita itu akan di-terima dan di-kabulkan-Nya.

# SAUDARA BARU DI-RAI'

TEMBURONG. — PengIslaman dua orang Tiong Hwa suami isteri, Lim Ah Kong, 59 tahun, dan Amoi Ah Sin, 54 tahun, bertempat di-Kampong Negalang di-sini telah berlangsong pada 1hb Mach yang lalu. Mereka melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Ustadz Haji Abu Bakar bin Tengah, Pegawai Ugama Kanan Brunei.

PengIslaman mereka itu telah di-rai'kan dan di-hadhiri oleh Pegawai2 Kanan Kerajaan serta pendudok kampong sekitar-nya. Saudara2 baru itu juga telah menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad. Mereka ia-lah Awang Md Zain dan Siti Aminah.

Sementara itu di-Bandar Seri Begawan empat orang lagi, termasok sa-orang kanak2 telah juga memelok ugama Islam dalam minggu pertama bulan ini.

Yasam anak Lukong @ Siman, 22 tahun, sa-orang pemuda Bisaya berasal dari Limbang, Sarawak di-kenali sa-bagai Azman bin Abdullah. Ia menjalani pengIslaman-nya di-hadapan Awang Ahmad bin Abd Razak, sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

Hong Wee Lin, 23 tahun, sa-orang gadis Tiong Hwa yang berasal dari Seria, kini di-kenali sa-bagai Noralisa bte Abdullah.

Sa-orang perempuan Dusun bersama anak lelaki-nya; Sining bte Utam, 41 tahun, kini di-kenali sa-bagai Siti Mariam bte Abdullah, manakala anak-nya kini di-kenali sa-bagai Muhammad bin Abdullah.

Manakala John anak Bannam, 23 tahun, sa-orang pemuda Iban berasal dari Lutong, Miri telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Osman bin Abdullah.

Ketiga-tiga saudara baru itu melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin OKIL (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin di-Jabatan Hal Ehwal Ugama. Kechuali Osman bin Abdullah, beliau menjalani pengIslaman-nya di-rumah YDM Pehin itu sendiri di-Kampong Kianggeh.



MAJLIS pengIslaman bagi Awang Md Zain dan isteri-nya Siti Aminah sedang di-langsongkan. Dudok berkachamata, Awang Md Zain dan sedang di-akad Islamkan Siti Aminah. (Gambar ehsan JHEU).

# Sambutan Maulud



JERUDONG. — Hampir 200 orang umat Islam di-sini telah menghadhiri sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-langsongkan di-padang sekolah pada Jumaat, 23hb Februari lepas. Sambutan itu di-anjorkan oleh ahli2 jawatankuasa masjid kampong.

Menyampaikan cheramah khas di-sambutan itu ia-lah Awg Hj Badaruddin bin Pengarah Hj Othman, Penguasa Penerangan dan Tabligh. Satu perarakan mengelilingi padang sekolah berkenaan telah juga di-adakan.

Pada hari yang sama sambutan telah juga di-adakan di-Kampong Mata-mata Gadong yang di-langsongkan di-kawasan rumah ketua kampong tersebut. Awg Hj Abd Saman bin Kahar, Pemangku Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan cheramah khas di-majlis itu di-samping menyampaikan sijil2 kapada 14 orang pelajar kelas dewasa Al-Kor'an. Sambutan itu di-akhiri dengan marhaban beramai-ramai.

GAMBAR di-atas kelihatan Awang Haji Abdul Saman ketika menyampaikan sijil kapada salah sa-orang pelajar kelas dewasa Kor'an. (Gambar ehsan JHEU).

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Mach, 1979 hingga kahari Selasa 20hb Mach, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 15hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 16hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 17hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 18hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 19hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 20hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.










DUA buah dari tiga buah pertama kereta perisai Scorpion yang membuat latehan kechekapa'n berhenti sa-telah membuat gerakan di-kawasan pantai. Kelihatan berdiri di-tengah ia-lah Pegawai Memerentah pasokan itu Mejar Veillard Thomas.

# PASOKAN PERISAI PENINJAU

TIGA buah kereta perisai jenis Scorpion kini menjadi milek Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang dengan sendiri-nya telah menubohkan Pasokan Perisai Peninjau yang unik bagi pasokan tersebut.

Scorpion yang telah di-pesan oleh AMDB dari pembuat-nya di-United Kingdom pada tahun lepas telah mula sampai pada 6hb Februari lalu bagi sa-buah yang pertama dan kemudian di-ikuti oleh dua buah yang lain pada 17hb Februari.

Dan kini ketiga2 kereta perisai itu telah mula menampakkan kechekapan-nya yang di-kendalikan oleh pegawai2 dan anggota Pasokan Perisai Peninjau yang telah menerima latehan dari seberang laut terutama dari UK.

Sa-telah beberapa demonstrasi di-lakukan oleh pehak pembekal kereta berkenaan kapada pasokan tersebut, Scorpion jelas akan dapat memberikan satu kekuatan pasokan tentera di-negara kita untok menentang sebarang musoh negara.



TIGA orang anggota pasoka'n itu dari anak tempatan bergambar di-samping kereta perisai pasokan mereka.

Dalam satu pertunjokan ujian latehan oleh wakil penjual yang ketika ini maseh berada untok menyelenggarakan bagi melateh dan membiasakan anggota pasokan berkenaan mengambil aleh tanggong-jawab-nya. Scropion jelas memboktikan keupayaan-nya untok bergerak di-sebarang kawasan sapertimana juga di-kehendaki oleh sa-tiap gerakan sa-sebuah pasokan tentera.

Dengan kelajuan 50 batu sa-jam, Scorpion yang boleh memuat anggota sa-ramai tiga orang yang terdiri dari pemerentah, penembak dan pemandu kereta, dan bergerak dengan roda rantai bergetah di-atas jalan-raya tanpa apa2 halangan atau kerosakan bagi jalan-raya di-mana ia telah lalui.

Namun begitu, Scorpion juga boleh bergerak di-kawasan pasir, paya, lumpor dan di-mana2 kawasan tanah yang sukar untok di-jalani oleh lain2 kenderaan biasa dengan mudah dan senang sahaja dengan kelajuan yang biasa.

Mendaki bukit dan menuruni lurah tidak menjadi halangan untok Scorpion bergerak, ini-lah yang menjadikan pasokan tentera kita sangat tertarek untok memileki kereta perisai saperti ini di-mana ia sangat bersesuaian dengan kedudokan tanah yang ada di-sekitar negeri kita.

Di-satu kawasan yang lain dua buah Scorpion yang membuat pertunjokan kechekapan-nya baru2 ini dengan di-kendalikan oleh beberapa orang anggota pasokan itu yang terdiri dari anak2 tempatan, Scorpion juga berkeupayaan untok mengharongi sungai yang chetek, malah boleh bergerak di-permukaan ayer yang dalam.

Bagi bergerak di-kawasan ayer dalam, umpamanya menyeberangi sungai, Scorpion tidak akan mudah tenggelam, kerana ia-nya di-lengkapi dengan pelampong getah di-sekeliling badan-nya. Getah yang sedia di-pasang pada Scorpion itu sa-chara otomatik akan mengelembong bagi menimbulkan bahagian atas badan kenderaan tersebut.

Dengan ketokohan dan kechekapan yang di-mileki oleh kereta perisai ini, Scorpion telah juga di-lengkapi dengan meriam anti kereta kebal 76mm dan meshengun 7.62 mm.

Dan dengan itu dua buah lagi Scorpion, sa-buah Samson serta dua buah Sultan telah pun di-pesan oleh pasokan tentera kita yang di-jangka sampai pada pertengahan tahu[n] ini.

Kereta perisai jenis Sams[on] ada-lah berfungsi sa-bagai pe-nyelamat manakala jenis S[ul]-tan pula berfungsi sa-baga[i] pemerentah. Maka denga[n] ada-nya ketiga-tiga jenis kere-ta perisai ini kelak di-dala[m] pasokan bersenjata nega[ra] kita tentu-nya ia akan mem-berikan suatu kekuatan berpa-sokan untok mempertahanka[n] kedaulatan negara.

Pasokan Perisai Peninja[u] yang kini berpengkalan di-Perkhemahan Tutong di-keta[i] oleh Pegawai Memerentah Mejar Veillard Thomas, ma-nakala timbalan-nya ia-lah Kaptan Abd Rahman b[in] Metasan. Pasokan ini mem-punyai anggota sa-ramai [..] orang. Ia-nya merupakan sa-buah pasokan yang terus di-bawah perentah Markas Paso-kan Askar Melayu Dira[ja] Brunei di-Berakas Kem.



KERETA2 perisai ini berkeupayaan dalam membuat gerakan di-kawasan berayer atau sungai yang chetek.



MENDAKI kawasan berbukit tidak menjadi halangan bagi kereta perisai ini.



DAN bergerak di-atas jembatan menyeberangi sungai.

# KENAIKAN PANGKAT BAGI LAPAN ORANG PEGAWAI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan mengumomkan kenaikan pangkat bagi lapan orang lagi pegawai Kerajaan.

Empat orang yang di-naikkan pangkat itu ia-lah dari Radio Talivishen Brunei. Dua orang Penerbit ranchangan telah di-naikkan pangkat menjadi Penerbit Kanan dalam Bahagian II. Mereka ia-lah Awg Abdul Wahab bin Mohammad dan Pengiran Othman bin Pengiran Haji Ismail.

Awang Mershidi bin Hj Md Salleh, Vision Mixer di-naikkan menjadi Pengawas MCR dan Awang Yacob bin Haji Sunny, Penyunting Filem di-lantek menjadi Penerbit.

Lantekan2 ke-empat orang pegawai itu bermula dari 1hb Januari, 1979.

Awang Haji Salim bin Haji Besar, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Ugama.

Awang Masri bin Haji Ajak, Kerani Tingkatan III telah di-naikkan pangkat menjadi Tukang Wang di-Jabatan Muzium.

Lantekan kedua2 orang pegawai itu bermula 1hb Februari, 1979.

Awang Maidin bin Abd Hamid, Pembantu Rumah Sakit di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Jururawat mulai 1hb Oktober, 1978.

Awang Wu Bing Pui, Pembantu Teknik Kanan di-naikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Teknik, Jabatan Talikom mulai 1hb Mach, 1979.

Jabatan Perjawatan juga mengumomkan pertukaran jawatan dan persaraan bagi dua orang pegawai.

Awang Mohd Taib bin Haji Mohd Salleh, Penyelia/Pengajar, di-Jabatan Muzium telah di-tukar jawatan-nya sa-bagai Pegawai Perhubongan mulai 1hb September, 1978.

Mereka yang bersara ia-lah Awang Weston Keasberry, Ketua Steward, Perubatan mulai 22hb Februari, 1979 dan Awang Haji Md Yassin bin Hj Matassim, Pegawai Perhubongan Pelajaran bersara mulai 8hb Februari, 1979.

## Pendaftaran pereksa SAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge Perengkat 'O' dan 'A' (Aliran Melayu) bagi pepereksaan tahun 1979 telah pun di-mulakan dan akan di-tutop pada 31hb Mach, 1979.

Pehak Pengetua Sekolah/Maktab yang penuntut2-nya ingin mendudoki pepereksaan tersebut hendak-lah datang ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei untok mendapatkan borang2 masok pepereksaan dan perkara2 yang mengenai-nya.

Chalun2 persendirian yang ingin memasoki pepereksaan tersebut hendak-lah mendaftarkan diri ka-Lembaga Pepereksaan Brunei tidak lewat dari tarikh yang di-tetapkan.





SA-RAMAI 12 orang pelateh2 dari Pusat Latehan Pertanian Sinaut telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-kawasan2 tanaman sekui dan nenas di-Kampong Tunku Gadong baru2 ini.

Rombongan yang di-ketuai oleh Pensharah mereka, Pengiran Ismail bin Pg Hashim itu telah di-beri penerangan oleh Pembantu Pertanian, Awang Ahmad bin Haji Tudin (no. 4 dari kanan) mengenai dengan tanaman sekui dan nenas yang di-usahakan oleh pendudok2 Kampong Tunku saperti kelihatan dalam gambar2 ini. — Gambar ehsan Jabatan Pertanian.

## Jabatan Pos adakan Perkhidmatan Jawapan Perniagaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengadakan perkhidmatan baru yang di-panggil Perkhidmatan Jawapan Perniagaan (Business Reply Service) mulai 2hb April depan.

Ketua Pos Agong, Pengiran Jaludin bin Pengiran Limbang menyatakan bahawa perkhidmatan tersebut ada-lah terbuka kapada orang ramai dan sharikat2 perniagaan di-seluroh negeri.

Perkhidmatan ini, kata-nya ada-lah bertujuan untok mendapatkan sa-suatu jawapan dari pelanggan-nya tanpa menyusahkan pelanggan membayar kadar pos jika di-poskan di-dalam dan di-alamatkan di-dalam negeri ini.

Mereka boleh-lah melampirkan dalam surat menyurat mereka, tanpa setem satu kad jawapan, sampul surat, sampul folder atau lebal alamat yan rupa bentok-nya telah di-benarkan oleh Jabatan Pos kapada pelanggan2-nya bagi maksud tersebut.

Sa-lain dari itu mereka juga boleh memasokkan melalui iklan2 di-surat khabar dan lain2 perchetakan satu reka bentok yang telah di-benarkan untok di-potong dan di-gunakan sa-bagai lebal alamat bagi di-letakkan pada sampul surat atau kad.

Orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan ini hendak-lah memohon satu lesen kapada Ketua Pos Agong Brunei dengan di-kenakan wang chengkeram sa-banyak $10.00.

Keterangan2 lanjut mengenai dengan perkhidmatan ini boleh di-dapati di-Pejabat2 Pos di-seluroh negeri.



## Jalani Kursus di-Singapura

GAMBAR atas ia-lah tiga orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos yang telah berlepas ka-Singapura pada hari Jumaat lalu untok mengikuti kursus asas bagi kerani2 di-Pejabat Pos republik itu.

Mereka ia-lah Awang Yahya bin Haji Hassan, Merinyu Pos; Awang Upeg bin Ahmad dan Dayang Hammah binte Puasa kedua2-nya Kerani Tingkatan III.

Kursus sa-lama tiga minggu itu akan berakhir pada 1hb April depan.

Sa-lepas menamatkan kursus tersebut, mereka juga akan menjalani kursus penempatan praktikal sa-lama 10 hari di-Pejabat Pos Singapura.

## Jadual gerakan menyembor ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Bahagian Penghapus Malaria akan meneruskan gerakan menyembor ubat DDT dan penyelidekan penyakit malaria di-Daerah Tutong dalam bulan ini.

Rombongan penyembor dan penyelidek dari jabatan itu akan berada di-Kampong Sengkuwang, Pelajau pada hari ini, 14hb Mach; di-Kampong Keranching, Mediet pada 15hb Mach dan Kampong2 Belaban, Mapol pada 17hb Mach.

Lain2 jadual gerakan menyembor itu ada-lah saperti berikut:

Pada 20hb Mach di-Kampong Bang Ligi; pada 21hb Mach di-Kg Litad; pada 22hb Mach di-Kg Bukit; pada 24hb Mach di-Kg Long Tadion; pada 26hb Mach di-Kg Melaboi; pada 27hb Mach di-Kg Pk Panchor; pada 28hb Mach di-Kg Bang Ligi; pada 29hb Mach di-Kg Merimbun.

Jadual gerakan menyelidek penyakit malaria ada-lah saperti berikut:

Pada 17hb Mach di-Kampong2 Belaban dan Mapol; pada 19hb Mach di-Kg Benutan; pada 20hb Mach di-Kg Panchong Layong; pada 21hb Mach di-Kampong Pk Pitou dan Tanjong Dangar; pada 22hb di-Kampong2 Talat dan Pak Bidang; pada 24hb di-Kampong2 Pitou Lambang dan Pk Raan dan di-Kampong Rambai pada 26hb dan 27hb Mach.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 14HB MACH,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "Court Martial"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 STAR TREK — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE PAPER CHASE — "Kingsfield's Daughter"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 THE PAPER CHASE — sambongan
- 8.00 DR IN CHARGE — "Any Complaint"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 SHOW OF THE WEEK — "Cilla Black"
- 9.55 RUGBY INTERNATIONAL "England vs France"
- 11.25 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 15HB MACH,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 BIG BLUE MARBLE
- 6.30 DR WHO "Genesis of the Daleks" — Bahagian ketiga
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 DR WHO — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



STEVE McGarrett bintang dalam siri Hawaii Five-O dalam episod "Study In Rage", tidak dapat untok menangkap satu fikiran tentang penyakit jiwa yang di-gambarkan dalam sa-buah lukisan yang seni yang belum selesai ke-punyaan sa-orang doktor penyakit jiwa yang telah di-bunoh ada-lah tugas McGarrett yang mesti di-usahakan-nya sa-mata2 untok men-chari pembunoh mangsa itu. Siri ini akan da-pat di-ikuti pada hari Isnin jam 9.00 malam.

MALAM

- 7.10 THE BIG VALLEY — "The Way to Kill A Killer" Sa-orang Vaquero Mexico menyewa tanah untok merumput sa-chara se-mentara pada keluarga Barkley dan wabak anthrax menular di-kalangan sapi-nya.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 THE BIG VALLEY — sambongan
- 8.00 HIDAYAT
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 DOKUMENTARI MELAYU: Audubon Wildlife Theatre "Land of the Loon"
- 9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 16HB MACH,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE FLOWER STORIES — "Green Elephant"
- 5.45 CLOPPA CASTLE — "The Good Ship Ethelbruda"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 C B BEARS — "The Disaster from the Skies"
- 6.30 FAMOUS FIVE — "Five on Kirrin Island"
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 FAMOUS FIVE — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 CHALLENGE OF THE NETWORK STARS
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 CHALLENGE OF THE NETWORK STARS — sambongan
- 8.00 MORK AND MINDY — "Mork Moves In"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
- 9.30 QUINCY — "The Deadly Connection" Sa jenis wabak yang ganjil di-sa-buah bandar kechil menyebabkan Quincy dan Sam Fujiyama menghadapi satu tugas berat untok mengenal penyakit itu sebelum sa-orang mangsa yang tua menemui maut.
- 10.20 PERLAWANAN GUSTI
- 11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 17HB MACH,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.20 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE LOST ISLANDS
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DALLAS — "Survival"
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 DALLAS — sambongan
- 8.00 TAHU-KAH AWDA
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 STARSKY AND HUTCH — "The Game"
- 9.55 PREMIER SOCCER



DUA orang bintang utama siri The Professionals, Doyle (Martin Shaw) dan Bodie (Lewis Collins), minggu ini membawa cherita "BLIND RUN".

Dalam episod ini, Doyle dan Bodie menjalani satu lateha'n untok satu tugas khas —sa-bagai pengawal kapada sa-orang ahli politik asing yang terkenal yang melawat Britain sa-chara rahsia. Siri ini akan dapat di-saksikan pada Selasa malam jam 10.15 malam.

- 10.45 TAYANGAN MALAM SABTU — "Man About the House" Sa-buah komidi mengenai pelajar kolej Robin Tripp (Richard O'Sulli-van) yang berkongsi sa-buah flat dengan dua orang gadis (Paula Wil-cox dan Sally Thomsett).
- 12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 18HB MACH,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Rumah2"
- 5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUB-BIDGE — "Super Memory"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 HOW
- 6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 RETURN OF THE SAINT — "The Nightmare Man"
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 RETURN OF THE SAINT — sambongan
- 8.00 WKRP IN CINCINNATI — "The Preacher" Saksikan-lah selanjut-nya adegan2 luchu bersama Andy Travis, pengarah muda ranchangan steshen radio WKRP.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MUTIKA
- 9.45 DRAMA: THE GOVERNOR — Episod keenam "To the Death" Sementara George Grey, kini sudah tua, chuba menghadapi kekechewaan dan kesunyian, ia di-pujok untok menchebori politik di-New Zealand. Ranchangan terakhir dalam siri ini.
- 11.00 THAT'S HOLLYWOOD
- 11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 19HB MACH,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 MAYA — "The Root of Evil"
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 MAYA — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 CHARLIE'S ANGELS — "Angels Ahoy"
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.00 DESA MEMBANGUN
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 HAWAII FIVE O — "Study in Rage" Untok menyiasat pembunoh sa-orang pakar kaji-jiwa, McGarrett terpaksa meneliti sa-buah lukisan yang belum di-siapkan.
- 9.55 WILDE ALLIANCE — "Time and Again"
- 10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 20HB MACH,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
- 8.00 SERIKANDI
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 ARENA SOKAN
- 9.25 DOCUMENTARY — "The Phenomenon of Roots"
- 10.15 THE PROFESSIONALS — "Blind Run" Bodie dan Doyle menjalani satu late-han untok satu tugas khas — sa-bagai pengawal pada sa-orang ahli politik asing yang terkenal yang melawat Britain sa-chara rahsia.
- 11.05 SIARAN TAMAT.

# SIARAN LANGSONG PIALA MALAYSIA

RADIO Brunei sa-takat ini telah berjaya membuat siar-an terus menerus per-lawanan bola sepak Piala Malaysia dari Padang Besar Bandar Seri Begawan. Sa-hingga ini tiga perlawanan yang di-adakan di-Brunei semua-nya te-lah dapat di-siarkan sa-chara terus mene-rus. Memandang kapa-da sambutan para pen-dengar terhadap siaran perlawanan Piala Ma-laysia ini maka Radio Brunei telah membuat jadual dengan segala persiapan untok me-nyiarkan sa-chara langsong semua perla-wanan2 yang akan da-tang yang di-adakan di-negeri ini.

Kita di-fahamkan bahawa siaran terus menerus perlawanan bola sepak Piala Ma-laysia ini juga di-ikuti oleh peminat2 bola se-pak di-negara2 tetang-ga yang berdekatan dan kita perchaya de-ngan ada-nya pertam-bahan tenaga kekuat-an alat pemanchar ra-dio sejak beberapa waktu kebelakangan ini siaran terus mene-rus perlawanan bola sepak ini akan dapat di-ikuti dengan terang oleh ramai lagi pemi-nat2 bola sepak di-seluroh negeri.

Menurut jadual perla-wanan dalam siri Piala Malaysia akan datang di-Bandar Seri Begawan ia-lah di-antara Brunei de-ngan Perak ia-itu pada hari Ahad 25hb Mach. Para Juru-ulas Radio Bru-nei sekali lagi akan mene-mui peminat2 bola sepak dalam memberikan ulasan terus menerus.



**JURU2-ULAS Radio Brunei ketika membuat liputan per-lawanan Piala Malaysia ba-ru2 ini.**



CHERPEN 'Kembara Pantai' hasil kar-ya Awang Abdul Hamid Abbas, dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah memenangi hadiah sa-bagai skrip ter-baik bagi bulan Februari.

RTB menawarkan hadiah berupa wang tunai sa-banyak $100.00 pada tiap2 bulan bagi skrip terbaik yang di-siarkan oleh Radio Brunei.

Gambar atas kelihatan Awang Abdul Hamid menerima hadiah tersebut yang di-sampaikan oleh Pegawai Pentadbir RTB, Awang Abdul Wahid.

## Tunas Pendidek

ATAS daya inisiatif pa-ra pelajar dari Mak-tab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Radio Brunei berjaya memper-kenalkan sa-buah lagi ran-changan baru-nya dengan jodol Tunas Pendidek. Tu-nas2 pendidek bangsa dari Maktab Perguruan ini mengembeling tenaga ber-sama untok mengisi ran-changan sa-lama 30 minit itu dengan peristiwa yang mengandongi projek akti-biti dan nada suara yang akan menemui para pen-dengar sa-tiap dua minggu sekali.

Ranchangan pertama Tunas Pendidek telah ka-udara pada hari Jumaat 9hb Mach yang lalu jam 11.30 pagi. Kita perchaya ranchangan sulong ini akan di-susul kemudian dengan ranchangan2 yang lebeh matang dan lebeh menarek hasil tenaga dan idea bakal2 pendidek ta-nah ayer di-masa depan.

Maktab Perguruan bu-kan saja menempatkan kumpolan anak2 muda ba-kal pendidek tetapi di-sana juga terhimpun ber-bagai2 idea serba bakat dan kebolehan dalam la-pangan seni budaya bang-sa. Dan semua ini akan termuat dari semasa ka-semasa dalam ranchangan baru kita Tunas Pendidek.

Ranchangan ini di-ja-dualkan ka-udara pada sa-tiap hari Jumaat jam 11.30 pagi termasok siaran ula-ngan-nya.



**SISWAZAH Brunei ... muat dengan temu... sa-orang wanita ya... tan kanan dalam p... an Duli Yang Maha... lah Datin Hajjah ... Lawie, Pengarah ... Ekonomi.**

**Ranchangan ini ... saperti biasa ia-itu 16hb Mach jam 7.3...**

**PERTANDINGAN KUIZ PERINGKAT SUKU AKHIR 1979**



**DO you know that the Sufri Bolkiah English School in Tutong was originally named the AAC, Tutong? And to find out more about the school, why not tune in to the English Section this Friday 16th March, at 11.15 am for the first in a new series "From School To Schools."**

**The programme will be repeated the same evening from 8.00 to 8.30. Picture shows part of the Sufri Bolkiah English School Band conducted by Che'gu Hanafi Haji Mohd Yassin.**



**DAYANG Siah bte Haji Damit turut mengambil baha... ranchangan 'Tunas Pendidek' dengan di-awasi oleh pe... Bahmin Hamdan.**

# DESA MEMBANGUN SIRI KE-EMPAT

TAHU-KAH Awda. Apa-kah penyakit2 yang merbahaya yang sering di-hadapi oleh binatang2 ternakan? Dalam siri Desa Membangun pada hari Isnin ini 19hb Mach, 1979 para penonton akan mengetahui lebeh meluas lagi mengenai penyakit New Castle Disease, Tuberculosis atau TB, Haemorrhagic septicaemia atau Penyakit Kerongkong, penyakit kuku dan mulut, Rinderpest, Piroplasmosis dan Rabies atau penyakit anjing gila.

Tetamu khas DM untok menghuraikan perkara ini ia-lah Dr Awang Subramaniam, Pegawai Haiwan Brunei. Di-samping itu juga DM akan membuat tinjauan mengenai ranchangan bantuan tanaman rumput untok ternakan lembu di-ladang Awang Lian Ah Thiam di-Kampong Padang Sungai Liang, Seria. Dan akhir sekali ia-lah mengenai membuat baja kompos.

Jangan lupa mengikuti ranchangan Desa Membangum pada 19hb Mach, 1979 ini jam 8.00 malam.



LEMBU2 yang sehat di-sa-buah tempat ternakan (gambar atas). Sementara gambar bawah pula kelihatan Awang Lian Ah Thiam berada di-kawasan ternakan lembu-nya di-Kampong Sungai Liang.



## The Governors

EPISOD terakhir bagi siri ini ia-lah "To The Death" yang akan di-tayangkan pada malam Ahad jam 9.45 malam. George Grey yang sa-makin tua itu sekarang terpenchil di-pulau tempat-nya sendiri, Kawau.

Tahun2 yang lepas dan ubat2 tidor telah mengambil semua chukai2 mereka. Ketika sedang menchoba untok mengendalikan keadaan-nya yang berputus-asa dan kesunyian itu dia telah di-umpan kembali kapada politik2 di-New Zealand. Sekali lagi dia mendapat peluang untok berkuasa.

Faham idealis yang memberi-nya perangsang kapada karier-nya yang dahulu sekali lagi memunchak ka-hadapan dan orang yang memerentah New Zealand dengan chara autokrasi yang penoh sekarang sedang bersoal jawab yang menyebabkan timbul-nya 'hak untok mengundi'.

## Quincy: "The Deadly Connection"

SATU jangkitan penyakit yang misteri di-sa-buah bandar yang kechil membuatkan Quincy dan Sam Fujiyama di-hantar atas urusan hidup dan mati untok mengenali penyakit itu sa-belum mangsa yang tertua mati, dan lebeh dari 300 ekor lembu telah di-hapuskan oleh satu penyakit yang tidak di-ketahui. Walau-pun penyiasatan terhadap ayer dan makanan binatang telah di-jalankan, Quincy gagal dalam perchubaan-nya sa-hingga dia mengetahui tentang satu 'barbecue' yang melibatkan seluroh pendudok bandar itu.

**GAMBAR kanan pelakon siri ini Jack Klugman sa-bagai Quincy dan pembantu pelakun siri ini Robert Ito sa-bagai Sam dalam satu pemandangan dari "The Deadly Connection", episod Quincy minggu ini.**



## Tayangan malam Sabtu: "Man About The House"

PENUNTUT Maktab Pengurusan Makanan Robin Tripp (Richard O'Sullivan) tidak melihat apa2 keganjilan tentang berkongsi rumah bersama dua orang wanita, Chrissy (Paula Wilcox) dan Jo (Sally Thomsett). Sa-sunggoh-nya ia-nya berjalan dengan baik kechuali bila teman2 sa-bilek-nya itu choba untok membantu-nya memasak dan keaslian-nya sa-bagai lelaki mendesak-nya supaya dia memperbaiki diri-nya dan Chrissy di-paksa untok mempertahankan diri-nya walau-pun dia keberatan untok mementingkan-nya.

Tuan rumah Tuan Roper (Brian Murphy) jarang2 meragui mereka tapi Puan Roper (Yootha Joyce) maseh lagi merindui akan kehidupan yang jauh lebeh menarek dan sama2 bergembira dengan kaum2 muda di-tingkat atas rumah itu.

Rumah Roper ia-lah sa-buah blok yang kechil dan menjadikan-nya satu sasaran yang mengembirakan untok membuat tempat robohan bagi kumpolan besar sharikat kemajuan harta-benda supaya dapat membuat jalan untok sa-buah pejabat yang baru.

**GAMBAR atas kanan menunjokkan salah satu adegan dalam filem tersebut.**



STARSKY and Hutch — "The Game" — hari Sabtu jam 9.05 malam. Episod ini mengesahkan Starsky dan Hutch (gambar bawah) mengejar sa-orang penjahat Ray Pardee, tapi gagal untok mendapatkan-nya bila kereta mereka terbabas. Menghiborkan diri mereka dengan minuman keras, mereka meranchang satu permainan bersembunyi dan menchari di-mana Hutch akan bersembunyi pada hujong minggu dan Starsky akan memburu-nya. Starsky kemudian-nya menyedari yang Hutch, telah terdedah kapada susunan yang membawa kapada kematian. Dia mesti di-chari dengan chepat. Kechederaan palsu di-pergelangan Huggy telah membuatkan Starsky di-hantar ka-hospital dengan luka2 yang palsu. Hutch yang merasa bertang-gong-jawab tiba dalam keadaan menyamar dan mendengar pegawai2 Babcock dan Simons ketawa tentang ranchangan untok membuatkan-nya malu dari persembunyian itu. Dia meninggalkan satu nota yang menchela untok teman-nya.



# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN KELUAR NEGERI BAGI KURSUS2 IJAZAH, IKHTISAS DAN SA-PAROH IKHTISAS 1979

1. Pemohon2 ada-lah di-pelawa untok di-pertimbangkan mendapat Dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi men jalani kursus ijazah, ikhtisas atau sa-paroh ikhtisas di-luar negeri mulai tahun 1979.

2. Pemohon2 mesti-lah :

2.1 Raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

2.2 Mempunyai kelulusan matapelajaran Bahasa Melayu dalam pepereksaan S. A. P. (Perengkat Biasa)/G.C.E. (Ordinary Level) atau yang sebanding dengan-nya.

2.3 Memenohi sharat akademik yang lazim bagi memasoki kursus yang di-pohonkan :

a) Bagi kursus2 ijazah dan ikhtisas — Lulus S.A.P./G.C.E. sekurang2-nya DUA di-Perengkat Lanjutan (Advanced Level) dan TIGA di-Perengkat Biasa (Ordinary Level) yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan berturut-turut serta terta'alok kapada kehendak penerimaan daripada tempat2 yang di-pohonkan.

ATAU

b) Bagi kursus2 sa-paroh ikhtisas — Lulus S.A.P. (Perengkat Biasa)/G.C.E. (Ordinary Level) sekurang2-nya dalam empat mata-pelajaran yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan berturut-turut serta terta'alok kapada kehendak penerimaan daripada tempat2 yang di-pohonkan.

2.4 Bersedia patoh kapada peratoran2 yang sedang dan yang akan di-tentukan kemudian.

3. Borang permohonan dan lain2 keterangan yang berkaitan boleh di-dapatkan daripada Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Permohonan2 hendak-lah sampai ka-pejabat terma'alum tidak lewat daripada 25hb Mach, 1979. Permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

5. Pemohon2 yang memenohi sharat untok di-pertimbangkan akan di-temuduga pada suatu masa yang akan di-beritahu kelak.

6. Pelawaan ini ada-lah juga termasok untok pemberian Dermasiswa oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

7. Kursus2 yang di-tawarkan ada-lah saperti berikut :

7.1 BAHAGIAN 'A' — KURSUS IJAZAH

| | | Tempoh Kursus | Antara Matapelajaran yang melayakan memasoki kursus |
|---|---|---|---|
| (1) | Perubatan | 6 tahun | 3 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (2) | General (B.A./B.Sc.) † | 3 tahun | 2 Matapelajaran bersesuaian — 'A' Level |
| (3) | B. Education | 3 tahun | English 'O' Level + 2 Matapelajaran umom — 'A' Level |
| (4) | Electrical/Electronic Engineering | 3-4 tahun | Mathematics dan Physics — 'A' Level |
| (5) | Civil/Mechanical/ Building-Engineering | 3-4 tahun | Mathematics dan Physics — 'A' Level |
| (6) | Architecture/Landscape | 3-4 tahun | 2 Matapelajaran 'A' Level termasok Mathematics |
| (7) | Computer Science | 3-5 tahun | 2 Matapelajaran 'A' Level termasok Mathematics |
| (8) | Zoology | 3 tahun | 2 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (9) | Geology | 3 tahun | 2 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (10) | Undang2 | 3 tahun | 2 Matapelajaran 'A' Level termasok English |
| (11) | Valuation | 3 tahun | 2 Matapelajaran 'A' Level termasok Mathematics |
| (12) | Economics/Economics in Natural Resources | 3 tahun | English dan Mathematics 'O' Level dan 2 Matapelajaran umom 'A' Level |
| (13) | Nutrition/Dietetics | 3-4 tahun | 2 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (14) | Forestry | 3-4 tahun | 2 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (15) | Agriculture | 3 tahun | 3 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (16) | Pharmacy | 3-4 tahun | English dan Mathematics 'O' Level — 2 Matapelajaran Sains 'A' Level |
| (17) | Petroleum Engineering | 3 tahun | Physics dan Mathematics — 'A' Level |
| (18) | Meteorology | 3-4 tahun | Physics dan Mathematics — 'A' Level |
| (19) | Marine Biology | 3-4 tahun | 3 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (20) | Fishery Science | 3-4 tahun | 5 (atau 4) Matapelajaran 'O' Level dan 2 (atau 3) Matapelajaran 'A' Level tertentu |
| (21) | Biological Science/ Applied Biology | 3-4 tahun | Mathematics 'O' Level dan 2 atau 3 Matapelajaran Sains — 'A' Level |
| (22) | Administration | 4 tahun | 3 Matapelajaran 'A' Level termasok Mathematics |
| (23) | Land Surveying/ Cartography/ Geography/ Engineering/ Mathematics + Postgraduate Diploma in Photogrammetry | 4 tahun | 2 atau 3 Matapelajaran 'A' Level yang tertentu |
| (24) | Town Planning Studies/Town and Regional Planning/ Town and Country Planning | 4 tahun | 5 Matapelajaran 'O' Level antara-nya Mathematics, English dan History/ Geography/Foreign Language dan 2 Matapelajaran 'A' Level |

7.2 BAHAGIAN 'B' — KURSUS IKHTISAS DAN SA-PAROH IKHTISAS

| | | Tempoh Kursus | Antara Matapelajaran yang melayakan memasoki kursus |
|---|---|---|---|
| (1) | Architecture, R.I.B.A. | 5-6 tahun | 2 Matapelajaran 'A' Level termasok Mathematics |
| (2) | Association of Certified Accountant (ACA) | 3-5 tahun | Mathematics 'O' Level dan 2 Matapelajaran 'A' Level yang sesuai |
| (3) | Purchasing and Supply* | 3-4 tahun | Mathematics 'O' Level dan 2 Matapelajaran 'A' Level |
| (4) | A.L.A. (Librarianship) | 3-4 tahun | English 'O' Level dan 2 Matapelajaran 'A' Level |
| (5) | Sijil Setia Usaha (Jenis 'A') | 2 tahun | 4 Matapelajaran 'O' Level termasok English + 1 Matapelajaran 'A' Level yang sesuai |
| (6) | Sijil Setia Usaha (Jenis 'B') | 2-4 tahun | 4 Matapelajaran 'O' Level termasok English |
| (7) | Institute of Statisticians | 3 tahun | Mathematics 'O' Level + 1 Matapelajaran 'A' Level |
| (8) | Diploma in Public Health Inspection * | 3 tahun | Mathematics 'O' Level + 2 Matapelajaran Sains 'A' Level |
| (9) | Diploma in Orthopics * | 2½ tahun | Mathematics 'O' Level dan 1 Matapelajaran 'A' Level yang sesuai (Sains) |
| (10) | Nursing (S.R.N. dan S.C.M.) | 4 tahun | English 'O' Level + 1 Matapelajaran Sains 'A' Level |
| (11) | Membership of Chartered Society of Physiotheraphy | 3 tahun | 1 Matapelajaran Sains 'O' Level dan 1 Matapelajaran 'A' Level yang sesuai |
| (12) | Cadet Pilots (untok RBA) | 1-1½ tahun | 5 Matapelajaran 'O' Level termasok English, Mathematics dan satu Matapelajaran Sains (terutama Physics) |
| (13) | H.N.D. Applied Biology mengandongi Quantative Biology/ Biochemistry/ Microbiology | 2-3 tahun | Mathematics dan Physics 'O' Level dan 1 Matapelajaran Sains 'A' Level |
| (14) | H.N.D. Business Studies (untok berkhidmat dengan Swasta dan Sektor Private) | 2-3 tahun | 1 Matapelajaran Arts 'A' Level dan matapelajaran2 'O' Level yang tertentu |
| (15) | Art and Design : Fine Art/Graphic Design/Three Dimensional Design * | 3-4 tahun | 5 Matapelajaran 'O' Level |
| (16) | Science Laboratory Technicians Certificate | 3 tahun | 4 Matapelajaran 'O 'Level |

7.3 BAHAGIAN 'C' — KURSUS BAHASA INGGERIS BAGI PENUNTUT2 ALIRAN MELAYU

Pemohon mesti-lah lulus sa-kurang2-nya DUA matapelajaran perengkat Lanjutan (Advanced) dan SATU mata-pelajaran perengkat Biasa (Ordinary) yang di-ambil dalam sekali pepereksaan dalam Aliran Melayu. Mereka mesti-lah belum memegang sa-barang jawatan tetap dengan mana2 pehak/majikan.

Pemohon mesti-lah juga menyatakan pilehan mereka mengenai kursus yang akan di-ikuti berikut-nya saperti dalam senarai Bahagian A dan B di-atas.

† Antara-nya untok persediaan menjadi pendidek
* Lebeh di-utamakan kursus H.N.D.

---

### TENDER NOTICE

**SUPPLY, INSTALLATION, COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED EXTENSION TO RELIGIOUS TEACHERS TRAINING COLLEGE, B. S. BEGAWAN**

REGISTERED Class A Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Kitchen Equipment to Proposed Extension To R.T.T.C., Bandar Seri Begawan.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 19th March, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 17th April, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed enveloped marked :—

TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION, COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO RELIGIOUS TEACHERS TRAINING COLLEGE, B. S. BEGAWAN.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

### KENYATAAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN BAHAGIAN PELAJARAN RENDAH

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bangunan Setia Usaha Kerajaan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, pada hari Sabtu 31hb Mach, 1979, bagi perkara2 yang berikut:—
   a) 5 units Public Address System;
   b) 5 units Overhead Projectors complete with Day light Screen;
   c) 5 units Slide Projectors complete with Daylight Screen;
   d) 30 units Portable Electric Generators.
2. Keterangan2 dan butir2 mengenai perkara2 yang di-nyatakan di-atas boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Rendah, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa waktu2 pejabat di-buka.
3. Tawaran2 yang di-terima sesudah dari masa yang di-tetapkan itu akan di-tolak.
4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampul2 surat biasa yang bertutop; dan penawar2 mesti-lah menghantar tiap2 tawaran bagi tiap2 perkara itu sa-chara berasingan serta menggunakan sampul2 surat yang berasingan, di-mana tiap2 sampul surat itu mesti-lah di-nyatakan dengan jelas-nya bagi tiap2 perkara yang berkenaan. Mesti-lah jangan ada sebarang tanda di-luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.
5. Tarikh menghantar barang2 itu sesudah pesanan di-buat dan harga C.I.F. Setor Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, hendak-lah di-nyatakan dengan terang.
6. Kerajaan Brunei tidak terikat untok menerima tawaran yang paling rendah atau pun apa jua tawaran.

### DISTRICT OFFICE BRUNEI-MUARA TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on 26th March, 1979 for the supply of the following :—
   (a) Four (4) Units Tipper Trucks 5 tons capacity;
   (b) One (1) Unit Land Rover Pickup or Land Rover Station Wagon;
   (c) One (1) Unit 3 Wheeled Steel Road Roller 8-10 tons; and
   (d) One (1) Unit Light Maintenance Road Grader.
2. Specifications can be obtained from District Office Brunei-Muara, Brunei.
3. Approximate date of delivery must be stated, but not later than two months.
4. Tender must be placed in sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer. The cover must be addressed to :—

Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Government Offices,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

and clearly marked :—
"DISTRICT OFFICE BRUNEI-MUARA SUPPLY OF VEHICLES"

5. Any tender received in envelope not properly addressed will be rejected.
6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PEMANDU/MEKANIK:

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kelas V.
b) Mesti-lah mempunyai Rekod Memandu yang baik.
c) Mesti-lah mempunyai pengalaman tentang membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427-440 / EB/453-465-478-491-504-516.

2. PEMANDU TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai lesen memandu Kelas III dan/atau Kelas V dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427-440 / EB/453-465-478-491-504-516.

3. PEMANDU TINGKAT II :

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki sebarang kerosakan2 kechil.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

**Tugas2 :**

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb April, 1979.

(E/110/73 — Bil: 35/1979)

### TENDER NOTICE

### KUALA BELAIT WATER SUPPLY — STAGE II CONTRACT No. 4 — PUMPING PLANT

TENDERS are invited from suitably qualified firms for the supply and supervision of erection of a 50 HP submersible pump installation in an existing pumphouse at the Government Water Treatment Works at Seria.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineer Messrs Watson (S.E. Asia) either from their office at 40 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan or from their Singapore office 27th Floor, DBS Building, 6 Shenton Way, Singapore. Documents will be issued only to firms who have had previous experience in supplying and installing pumping installations of more than 50 HP or to authorised agents of such firms.

Application for the documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$500 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to all Tenderers who submit a bona-fide tender.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on 2nd April 1979.

### TENDER NOTICE TAILORING CONTRACT — ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. Monday 26th March, 1979.
2. The Contract is for a period of 3 years from the date of signing the Contract.
3. Tenders must be placed in a plain envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The job tendered for must be clearly shown on the envelope and the wording should be :

"TAILORING CONTRACT —ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS CAMP"

4. Tender forms and Special Conditions for the Tailoring Contract may be obtained from the DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, during normal working hours upon receipt of a deposit of $500.00.
5. The Brunei Government does not bind itself to accepting the lowest tender.

## Sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 17 hingga 28 tahun dan maseh bujang. Mereka mesti-lah lulus Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) dalam Bahasa Inggeris, Sains dan dua mata-pelajaran yang lain atau yang sebanding.

**Gaji :**

Jururawat Gigi Perchubaan : M. 3 — $395-408-421-434-446-459-472-491-510-529-548-567-587.

Jururawat Gigi Terlateh : M. 4 EB. 5 — $650-682-714-746-778-810/ EB /880-905-931-956-982-1007-1033.

**Tempoh Perchubaan :**

a) Chalon2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaan selama 3 tahun 4 bulan sa-bagai Jururawat2 Gigi Pelajar dan di-kehendaki menjalani latehan di-Sekolah Pergigian Singapura yang mana mengambil masa selama 2 tahun 4 bulan.
b) Sa-telah menamatkan latehan di-Singapura Jururawat2 Gigi Perchubaan akan di-kehendaki bertugas di-Kelinik pergigian Brunei di-bawah pengawasan Pegawai Pergigian selama satu tahun.
c) Pakaian seragam akan di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-sediakan jika perlu. Jururawat2 Gigi perchubaan akan di-beri Elaon Dhobi dan Chatuan.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb April, 1979.

(E/132/62/Pt.2 — Bil : 37/1979)

### KENYATAAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 29hb Mach, 1979 untok membekalkan perkara2 berikut :

1. Tiga buah Bas Sekolah yang boleh memuat 30 — 35 orang penumpang.
2. Dua buah Bas kechil.
3. Sa-buah Lori kechil.

Tawaran2 yang di-hadapkan hendak-lah di-sertai dengan buku katalok (Cataloque) bersama2 dengan harga2-nya sekali.

Tawaran2 hendak-lah di-masokkan kedalam sampul yang tidak bertulis apa2 serta di-tutop, dan hendak-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei, saperti yang di-sebutkan di-para 1 di-atas. Sampul2 hendak-lah dengan terang bertulis "TAWARAN BAGI PENGANGKUTAN JABATAN PELAJARAN".

Nama si-penawar hendak-lah jangan di-tuliskan di-atas sampul, dan sebarang tawaran yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

Penawar yang berjaya hendak-lah bersedia membekalkan dalam masa 2 bulan dari tarikh pemberitahuan.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang paling rendah sekali atau mana2 tawaran.

### TENDER NOTICE EDUCATION DEPARTMENT, BRUNEI

TENDERS will be received by The Chairman, Tenders Board at the office of The State Financial Officer, Brunei up to 4.00 p.m. on Thursday, 29th March, 1979 for the supply of :

1. Three School Buses with seating capacity for 30 — 35 passengers.
2. Two Mini Buses.
3. One Small Lorry.

Tenders submitted must accompany cataloques complete with prices.

Tenders must be placed in plain sealed envelopes addressed to The Chairman, Tenders Board, Brunei as in para 1 above, and clearly marked "Tender of Education Department Transport".

There must be no indication on the cover of the name of the tenderer and any tender not properly addressed will be rejected.

Successful tenderer must be able to deliver within 2 months from the date of notification.

Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SA-BAGAI JURUTEKNOLOGI MAKMAL

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juruteknologi Makmal di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau Certificate dalam mata-pelajaran Makmal Perubatan atau Fellowship of the Institute of Medical Laboratory Sciences atau pun kelulusan yang sebanding.

Keutamaan akan di-beri kapada raayat Brunei dan kapada mereka yang berkelayakan dalam Histology/Cytology.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang di-lantek akan berkhidmat di-bawah Pakar Kajipenyakit sama ada di-Hospital Bandar Seri Begawan atau di-Hospital Suri Seri Begawan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M.11 — B$1390-1454-1517-1581-1670-1734-1798-1862-1925-1989/ EB/2053-2117-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb April, 1979.

(E/313/79 — Bil: 39/1979)

## Sa-bagai Talipon Opereter

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Talipon Opereter di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan II Melayu atau Inggeris. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mahir berbahasa Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas sa-chara bergilir-gilir, termasok pada waktu malam dan hari2 kelepasan awam jika di-kehendaki.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb April, 1979.

(E/694/75 — Bil: 38/1979)

## JABATAN KERJA RAYA PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB 1/1979**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontrektor Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Mach, 1979 bagi :—

PEMBENAAN LONGKANG BERSEMIN DALAM KAWASAN SUNGAI PANDAN, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 1/1979**

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE DRAINS IN SUNGAI PANDAN AREA, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 2/1979**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Mach, 1979 bagi :—

MENGADAKAN PERABOT KAYU SERANGAN BATU KELAS I, II DAN III UNTOK BANGUNAN BARU BAGI RUMAH KERAJAAN DAERAH BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 2/1979**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

THE SUPPLY OF CLASS I, II AND III SERANGAN BATU FURNITURE FOR NEW QUARTERS BELAIT DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 3/1979**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Mach, 1979 bagi :—

SUBSIDIARY PUMPINGS STATION AND SEWER CONNECTION TO NEW GARRISON QUARTERS.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 3/1979**

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

SUBSIDIARY PUMPINGS STATION AND SEWER CONNECTION TO NEW GARRISON QUARTERS.

NOTE :

**Contractor who wish to submit for the above must have previous experience of advanced de-watering techniques involved for deep trench excavation and also have sufficient equipment, plant, etc for this type of works. Site inspection commencing 10.00 hours at P.W.D. Office, Kuala Belait on 17th March, 1979.**

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 4/1979**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Mach, 1979 bagi :—

PEMBENAAN 2 BLOCK X 2 UNIT RUMAH PANGSA KELAS "G" UNTOK ARMY GARRISON, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 4/1979**

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF 2 BLOCKS X 2 UNITS CLASS "G" QUARTERS FOR ARMY GARRISON, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

### STATE STORES AND SUPPLIES DEPT. TENDER NOTICE No. 5/79

TENDERS are invited for the supply of the undermentioned items :—

Blankets Nylon size 60" x 80" — 1000 pcs.
Blankets Flannelette size 60" x 80" — 500 pcs.
White Cotton Sheets size 54" x 90" — 2000 pcs.
White Cotton Pillow cases size 20" x 29" — 2000 pcs.

Further details of tender are available from the office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei during office hours.

Tender closes on Thursday 20th March, 1979.

### TENDER NOTICE

### HELICOPTER NIGHT LANDING FACILITIES AT GADONG POLICE STATION

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from registered Electrical Contractors Class "B" and above up to 12.00 noon,. 10th April 1979 for :—

HELICOPTER NIGHT LANDING FACILITIES AT GADONG POLICE STATION.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 14th March 1979 onwards during office hours on payment of a tender deposit of B$200.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 10th April 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked :—

"TENDER FOR HELICOPTER NIGHT LANDING FACILITIES AT GADONG POLICE STATION"

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

